

**Transcript of Speech by Prime Minister Lee Hsien Loong
at the launch of Bulan Bahasa (Malay Language Month) 2015**

Para tetamu yang dihormati
Teman-teman
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

1. Saya berbesar hati kerana dapat bersama anda di majlis pelancaran Bulan Bahasa 2015 ini.
2. Sejak kemerdekaan, masyarakat Melayu telah mencapai kejayaan yang sangat besar. Ramai anak Melayu yang cemerlang, kini menerajui pelbagai bidang – pendidikan, seni dan budaya, perbankan dan kewangan, sains dan teknologi serta sukan dan juga dalam bidang politik.
3. Sedang masyarakat Melayu maju setara dengan masyarakat lain, penggunaan Bahasa Inggeris pula semakin meningkat. Bahasa Inggeris digunakan sebagai sebagai bahasa pengantaraan, yang memberi peluang sama rata kepada semua kaum untuk berhubung dan bekerja. Bahasa Inggeris juga diajar di sekolah sebagai bahasa pertama kepada anak-anak kita. Lama-kelamaan, lebih ramai orang Melayu semakin selesa bertutur dan menggunakan Bahasa Inggeris. Namun perkembangan ini berlaku bukan sahaja dalam masyarakat Melayu, malah juga kepada semua kaum, walaupun kesannya berbeza-beza. Oleh kerana penggunaan Bahasa Inggeris kian meluas, kita perlu menggandakan usaha untuk memulihara dan menggalakkan penguasaan Bahasa Ibunda kita agar ia kekal mekar. Bahasa Ibunda menghubungkan-kaitkan kita kepada asal-usul, nilai dan budaya kita. Mendiang Encik Lee Kuan Yew pernah berkata: “Bahasa mencerminkan nilai... Nilai pula merupakan benteng budaya bagi masyarakat dalam kita mengharungi dunia yang pesat berubah-ubah.” Penguasaan yang baik dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda menjadikan kita lebih berdaya saing di peringkat global. Maka itu, dasar dwibahasa kita kekal penting.
4. Saya gembira kerana sungguhpun dilancarkan hampir 30 tahun lalu, Bulan Bahasa segar berkembang tahun demi tahun dengan acara-acara menarik dan berinovatif. Bulan Bahasa juga terus relevan kepada generasi muda yang berdwibahasa hari ini. Syabas kepada pihak penganjur!

5. Antara acara dengan pendekatan segar termasuk Singa Maksima, sebuah konsert yang menampilkan persembahan kumpulan muzik Indie, artis Melayu dan ahli muzik terkenal. Ia bertujuan menarik minat golongan muda untuk menghargai dan mempelajari bahasa melalui muzik. Ia juga mempamerkan bakat-bakat dalam masyarakat Melayu kita.

6. Satu lagi ialah Garisan Masa, persembahan teater tiga-dalam-satu yang menyusuri cabaran serta perkembangan masyarakat Melayu pada setiap tahap pembangunan Singapura. Melalui persembahan ini, penonton diajak mengenali sejarah dan asal-usul masyarakat Melayu demi memperkukuh pengetahuan dan identiti mereka. Juara Si Cilik pula adalah pertandingan menyanyi untuk pelajar sekolah rendah. Murid-murid belajar penggunaan bahasa Melayu dari kecil melalui lagu. Ini membina keyakinan untuk bertutur dalam Bahasa Melayu seperti yang anda lihat tadi. Ikatan keluarga juga diperkukuh ketika ibu bapa dan anak-anak membuat persiapan bersama-sama. Pokoknya, terdapat lebih banyak persembahan teater, pementasan, muzik dan puisi dalam sambutan kali ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Menteri Masagos kerana menerajui Majlis Bahasa Melayu Singapura. Juga Zaqy Mohamad yang memimpin Jawatankuasa NHB, dan para peserta serta sukarelawan yang membantu menjayakan acara istimewa ini.

7. Acara ini bertepatan dengan matlamat untuk menghargai golongan Perintis kita - para pendidik dan penulis yang banyak menyumbang demi memartabatkan bahasa dan budaya Melayu. Salah seorang ialah sasterawan tersohor, Cikgu Muhammad Ariff Ahmad yang berusia 91 tahun. Cikgu Ariff adalah mantan pensyarah dan editor. Beliau juga seorang penulis mapan yang membantu Pak Zubir Said mencipta lirik bagi Lagu Kebangsaan kita. Cikgu Ariff adalah penerima banyak anugerah berprestij termasuk Pingat Budaya, Anugerah Tun Sri Lanang, dan Anugerah Penulis Asia Tenggara yang menyanjung bakat penulisan di rantau ini.

8. Seorang lagi ialah Cikgu Suratman Markasan yang berumur 85 tahun. Beliau penulis puisi dan novelis kita yang terkenal. Cikgu Suratman juga seorang pemenang Pingat Budaya, dan telah menerima Anugerah Tun Sri Lanang dan Anugerah Penulis Asia Tenggara.

9. Saya juga sangat berbangga melihat anak-anak muda kita meneruskan perjuangan golongan Perintis sebagai Duta Bahasa. Ini termasuk penulis muda, Siti Aisyah Mohamed Salim, atau lebih dikenali menerusi nama penanya, "Chempaka Aizim"; DJ radio RIA, Nur Hafiza Osman, atau Fiza O dan juga wartawan muda Berita Harian, Hairianto Diman. Lulusan ijazah sarjana muda dalam Bahasa Inggeris dari NUS, Hairianto fasih berbahasa

Inggeris dan Melayu. Kesemua mereka bermatlamat untuk melestarikan Bahasa Melayu di kalangan generasi muda.

10. Tidak kurang juga anak-anak muda Melayu kita yang gigih melestarikan budaya Melayu dengan cara tersendiri, di tengah-tengah arus kemodenan. Ini termasuk Muhammad Noramin Mohamed Farid, pengasas kumpulan tarian Melayu “Dian Dancers” yang ditubuhkan pada tahun 2003. Seperti maksud di sebalik namanya, “Dian Dancers” mahu menyumbang agar budaya Melayu terus tersuluh dan bersinar. Kumpulan ini banyak bekerjasama dengan kumpulan seni Melayu lain. Noramin kini sedang menghalusi bidang tarian di Eropah, dan bercita-cita untuk meningkatkan lagi mutu tarian Melayu kita.

11. Seorang lagi ialah komposer muda, Syafiqah ‘Adha Mohamed Sallehin. Graduan dari Yong Siew Toh Conservatory of Music ini, juga merupakan pemenang Anugerah Belia Harapan Goh Chok Tong. Syafiqah banyak mewakili Singapura dalam pertandingan di dalam dan di luar negara. Tetapi selain muzik klasikal dan kontemporari, Syafiqah juga amat meminati muzik tradisional Melayu. Beliau merupakan pengarah muzik Gendang Akustika, kumpulan muzik traditional Melayu yang diminati ramai. Tahniah kepada Noramin dan Shafiqah kerana berjaya mencipta cara mereka tersendiri untuk melestarikan budaya kita dengan sentuhan Singapura yang baik. Tahniah!



12. Usaha menggalak penguasaan Bahasa Melayu adalah sebahagian daripada usaha berterusan Pemerintah untuk memartabatkan ketiga-tiga Bahasa Ibunda rasmi kita – Melayu, Mandarin dan Tamil. Dengan sukacita, saya mengumumkan bahawa Kementerian Pendidikan (MOE) akan memberi suntikan dana tambahan kepada Jawatankuasa untuk Menggalakkan Pembelajaran Bahasa. Jawatankuasa ini ditubuhkan 10 tahun lalu untuk mendapatkan sokongan masyarakat, mewujudkan suasana yang sesuai untuk pembelajaran Bahasa Ibunda, di luar sekolah. Dana tambahan akan dinaikkan sebanyak 50 peratus daripada \$16.6 juta sejak 5 tahun lalu, kepada \$25 juta dalam lima tahun mendatang. \$20 juta ialah dana terjamin dari Pemerintah. Baki \$5 juta perlu dikumpulkan masyarakat dengan setiap dolar terkumpul akan ditokok dari geran pepadanan Pemerintah. Usaha ini ialah untuk mempertingkat dan memperluas program dan aktiviti bagi manfaat lebih ramai pelajar. Ini melibatkan sokongan badan-badan masyarakat dan juga keluarga.

13. Bersama-sama kita akan terus hidupkan dan melestarikan Bahasa Ibunda kita. Izinkan saya meneruskan ucapan dalam Bahasa Inggeris.

14. Since independence, the Malay community has made enormous progress. We have successful Malays who are leaders in diverse fields. And, as the Malay community progresses with the rest of the other communities, they are using the English language more and more. We have adopted the English language as our lingua franca which gives all races equal opportunities to learn, communicate and work. So today, more and more Malays are comfortable speaking and using English at work, often at home and I understand even in mosque management committees. This is a trend which applies to the other communities as well.

15. As we use more English, we need to make a greater effort to preserve and promote our Mother Tongue languages to keep them alive because the Mother Tongue connects us to our roots, to our values, to our culture. As Mr Lee Kuan Yew once said: "Language transmits values [...] These values will provide cultural ballast to our people as we adjust to a fast-changing world".

16. I am therefore very glad that Bulan Bahasa has evolved and stayed relevant to a younger, bilingual generation. It was launched nearly 30 years ago in 1988. Today, programmes and activities are innovative and varied. There are night concerts, plays, singing competitions, all kinds of performances that resonate with the young and they are held at interesting places like the Gardens by the Bay. So, I would like to congratulate the Malay Language Council for finding fresh ways to make language learning come alive.

17. Keeping the flame of the Malay language and culture alive would not have been possible without our pioneers, and continued interest of the younger generation. So, we honour our pioneer educators and writers who have made significant, lasting contributions as well as the young language ambassadors who are continuing the good work by spreading their love for the language. There are new talents promoting and reinventing traditional Malay music, dance and performing arts, reaching out to a wider community. They continue to make learning engaging and enrich Singapore's culture. So thank you and keep up the good work!

18. These efforts to promote the Malay language are part of the Government's consistent emphasis on our three official Mother Tongue languages - Chinese, Malay and Tamil.

19. I am therefore happy to announce or to repeat what I said in Malay just now - that MOE will be increasing the funding commitment for the Mother Tongue Language Learning and Promotion Committees which was established 10 years ago to rally support of the communities and to create an environment beyond schools conducive to the learning of Mother Tongue languages. The funding commitment will be increased by 50%, to \$25 million in the next five years, of which \$20 million is assured funding and the remaining \$5 million is based on a 1:1 matching grant. So the scheme is there, it is launched. Please take full advantage of it. I hope you will not just raise the funds but enhance and expand your programmes and activities to benefit more students, involve community partners and families in this good work. Together, we will make our Mother Tongues living languages.

20. Let me end my speech with a pantun. Satu sahaja ya.

Di persisiran taman dibina;
Hijau indah cantik terserlah,
Bahasa Melayu Bahasa kita;
Lestarikanlah Gunakanlah.

21. Terima kasih and thank you very much.

Source: <http://www.pmo.gov.sg/mediacentre/transcript-speech-prime-minister-lee-hsien-loong-launch-bulan-bahasa-malay-language>